

12 JAN 2000

Mahkamah-Mirzan

SAMAN FITNAH MIRZAN TERHADAP DUA PENERBIT SELESAI

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Saman fitnah oleh pengerusi eksekutif kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd Mirzan Mahathir terhadap dua penerbit akhbar berbahasa Cina dan editor kumpulan dan editor berita selesai di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Kenyataan penyelesaian yang dibacakan oleh peguam yang mewakili kedua-dua pihak direkodkan oleh Hakim R.K. Nathan yang membenarkan perintah itu dalam terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Mirzan menyaman penerbit Pemandangan Sinar Sdn Bhd, Ketua Pengarang Liew Chen Chuan dan editor berita Lim You Soon membabitkan artikel mengenai Mirzan yang diterbitkan di akhbar Sin Chew Jit Poh, pada 5 Jan 1999.

Artikel itu bertajuk "Concedes too dependent on foreign capital and has to rein in his ambitious Mirzan has a real business plan".

Guang-Ming Ribao Sdn Bhd, ketua pengarang kumpulannya Liew Chen Chuan dan ketua pengarang disaman membabitkan artikel yang disiarkan di akhbar Guang Ming Daily pada 5 Jan tahun lepas bertajuk "Wall Street Journal: Mirzan is not involved in corruption prosperity secured through real capability".

Dalam kenyataan di mahkamah, peguam bagi pihak penerbit Datuk R.R Sethu berkata penerbit kedua-dua akhbar mengakui bahawa penerbitan mereka menjejaskan reputasi peribadi dan perniagaan Mirzan dan mereka meminta maaf sepenuhnya kepada Mirzan.

Beliau berkata defenden-defenden juga membayar sejumlah ganti rugi yang besar (jumlah tidak dinyatakan) kepada Mirzan.

Sethu berkata defenden-defenden juga bersetuju menerbitkan kenyataan itu di muka hadapan Sin Chew Jit Poh dan Guang Ming Daily bersama-sama gambar Mirzan.

Beliau juga berkata defenden-defenden juga berjanji kepada Mirzan bahawa mereka tidak akan mengulangi atau menerbitkan artikel fitnah atau apa-apa perkataan yang mempunyai kesan yang sama.

Peguam-peguam Datuk V.K. Lingam dan R. Thayalan mewakili Mirzan.

-- BERNAMA

JA LAT